

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG]

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Apakah garis panduan yang diberikan oleh EPU kepada semua Kementerian untuk memastikan bahawa wanita akan menjadi ejen serta mendapat manfaat daripada strategi pembangunan dalam RMK-11 berdasarkan kepada konteks kesaksamaan selaras dengan Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara beberapa polisi dan strategi dalam RMKe-11 yang boleh dijadikan panduan oleh semua Kementerian bagi memastikan wanita menjadi ejen pembangunan serta mendapat manfaat daripada strategi pembangunan negara dalam konteks kesaksamaan adalah seperti berikut:

- i. Memastikan wujudnya persekitaran kerja yang terus kondusif untuk wanita:
 - Di bawah strategi ini, amalan kerja dan kehidupan yang seimbang akan digalakkan di mana, amalan kerja anjal serta bekerja dari rumah dalam sektor awam dan swasta akan diperluas;
 - Program "kembali bekerja" untuk menggalakkan wanita yang berkecemasan yang telah keluar dari tenaga kerja disebabkan oleh komitmen keluarga dan lain-lain juga akan terus dilaksanakan melalui kerjasama dengan sektor swasta.
- ii. Mewujudkan kepelbagaian gender dalam tenaga kerja.
 - Bagi menyokong strategi ini, segala perancangan, pemantauan dan penilaian program serta pengumpulan data di pelbagai kementerian akan disediakan secara lebih terperinci mengikut gender.

- iii. Mempertingkatkan akses kepada Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) yang berkualiti. Strategi ini akan memastikan lebih banyak perkhidmatan penjagaan kanak-kanak diwujudkan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk NGO, pihak swasta dan komuniti setempat.
- iv. Mempergiat usaha untuk meningkatkan bilangan wanita dalam jawatan pembuat keputusan:
 - Melalui strategi ini, wanita akan diberi peluang lebih besar untuk menimba pengetahuan dan pengalaman dalam bidang-bidang yang diperlukan bagi membolehkan mereka memegang jawatan tinggi.
 - Kerjasama dengan agensi-agens sokongan keusahawanan seperti SMECorp, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), TEKUN, Akademi Inovasi Wanita (MyWIN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk meningkatkan jumlah usahawan di kalangan usahawan wanita di kawasan bandar dan luar bandar akan dipertingkatkan.
 - Inisiatif yang diterajui oleh TalentCorp akan diteruskan bagi meningkatkan bilangan wanita berbakat kembali bekerja.
 - Kedudukan wanita dalam pengurusan tertinggi sektor swasta juga akan terus diperkukuh supaya menyamai sektor awam yang telah mencapai 32.5% pada tahun 2014. Oleh itu, Kerajaan akan terus memastikan supaya jumlah wanita yang pada masa ini merupakan 10.2% daripada ahli lembaga pengarah syarikat awam tersenarai

(PLC) dalam tahun 2014 akan mencapai 30% pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan itu, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan komited dalam memastikan penyertaan tenaga kerja wanita dalam negara ini akan terus meningkat daripada 46.8% pada tahun 2010 dan 53.6% pada tahun 2014 kepada 55% pada tahun 2015 dan mencapai 59% pada tahun 2020 sebagaimana yang diunjurkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN : 34

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

Dr Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa banyak denda yang telah dikutip melalui sistem AES setakat ini. Adakah AES berjaya mengurangkan kemalangan di kawasan di mana ia dipasang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 April 2015, sebanyak 264,750 saman AES telah dibayar dengan jumlah kutipan yang telah diterima sebanyak RM76,647,750.00.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung keberkesanan AES, berdasarkan analisis yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh 8 bulan sebelum pelaksanaannya telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaannya. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak 7 kes kemalangan maut atau 36.84% bagi tempoh 8 bulan sahaja.

Selain itu, kajian MIROS menunjukkan secara purata kadar pematuhan had laju di enam lokasi kamera tetap AES adalah lebih kurang 63% sebelum pelaksanaan AES dan kadar pematuhan had laju telah meningkat kepada 91% selepas pelaksanaan AES bagi hari-hari bekerja (*weekdays*). Bagi 4 kamera tetap AES di kawasan persimpangan lampu isyarat pula, kadar ketidakpatuhan lampu isyarat adalah 4.3% sebelum pelaksanaan AES dan menurun kepada 2.2% selepas pelaksanaan AES.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira senario-senario tersebut, Kerajaan yakin sekiranya AES dilaksanakan di seluruh negara, kadar pematuhan terhadap peraturan lalu lintas akan meningkat dan sekaligus bilangan kemalangan maut akan menurun secara drastik.